

PLUS komited untuk:

Mencapai matlamat tiada kemudaratan kepada individu dan alam sekitar termasuk: kakitangan, rakan niaga, pelanggan dan pihak berkepentingan bagi mencegah kecederaan sewaktu bekerja, penyakit berkaitan pekerjaan, insiden berkaitan sekuriti dan pencemaran alam sekitar;

Memelihara kelestarian alam sekitar melalui pencegahan kesan buruk terhadap persekitaran semula jadi dan pencemaran yang berkaitan, melindungi alam sekitar daripada kemerosotan dan kemudaratan yang timbul daripada aktiviti perniagaan syarikat, penyelenggaraan dan perkhidmatan termasuk penggunaan bahan mesra alam dan tenaga boleh diperbaharui;

- Mematuhi keperluan perundangan dan piawaian HSSE yang berkaitan;
- Mempertingkatkan Sistem Pengurusan HSSE ke arah penambahbaikan secara berterusan;
- Membangunkan kompeten HSSE di kalangan kakitangan, rakan niaga dan pihak yang berkepentingan;
- Berkongsi maklumat, kepakaran dan prestasi HSSE secara terbuka sebagai sumbangan syarikat terhadap komuniti;
- Menerajui peranan bagi menggalakkan amalan terbaik HSSE dalam industri lebuhraya;
- Menjiwai HSSE dalam semua aktiviti perniagaan syarikat; dan
- Membina budaya HSSE yang lestari di mana semua kakitangan berkongsi pemikiran dan perilaku HSSE yang standard.

POLISI HSSE

Polisi PLUS adalah untuk:

- Melaksanakan pendekatan bersistematik terhadap Sistem Pengurusan HSSE untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang, peraturan dan keperluan yang berkaitan;
- Menghapuskan hazard, impak kepada alam sekitar dan mengurangkan risikonya;
- Menetapkan sasaran HSSE yang tinggi untuk syarikat ke arah peningkatan prestasi berterusan;
- Memastikan rakan perniagaan yang berkaitan menguruskan HSSE selaras dengan polisi ini;
- Melibatkan komuniti di sepanjang jajaran lebuhraya PLUS dan membuat perundingan berkaitan isu HSSE dengan pihak berkepentingan;
- Memastikan pencapaian HSSE dalam penilaian prestasi setiap kakitangan dan memberikan ganjaran sewajarnya; dan
- Menggalakkan perundingan dan penyertaan pihak yang berkepentingan di semua peringkat.

Kakitangan, rakan niaga dan pihak berkepentingan hendaklah mempunyai akauntabiliti sendiri untuk memastikan kesihatan, keselamatan, sekuriti dan kelestarian alam sekitar terjamin, manakala PLUS akan terus meningkatkan Sistem Pengurusan HSSE dan amalan terbaiknya agar selaras dengan Aspirasi dan Polisi Kelestarian PLUS dalam aktiviti operasi, penyelenggaraan, perkhidmatan dan perniagaan syarikat.

Datuk Azman Ismail
PLUS Managing Director

28 Oktober 2021

